

Dr Mahathir ketuai Umno Negeri Perak

KUALA LUMPUR, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mulai hari ini dilantik buat sementara waktu sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak menggantikan Tan Sri Haji Mohd. Ghazali Jawi.

Menurut satu kenyataan Setiausaha Kerja UMNO Malaysia, Encik Adib Haji Adam, hari ini, perantikan itu dibuat oleh Pemangku Presiden UMNO, Datuk Hussein Onn setelah Tan Sri Haji Mohd. Ghazali memohon meletakkan jawatan tersebut memandangkan Pilihanraya umum yang akan datang dan persediaan-persediaan yang perlu dibuat.

Di Melaka

Encik Adib menyatakan, Datuk Hussein Onn telah menerima permohonan Tan Sri Haji Mohd. Ghazali Jawi itu dan kerana kesuntukan masa serta betapa mustahaknya jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Perak itu dipenuhi, Pemangku Presiden bersetuju melantik Dato Seri Dr. Mahathir menggantikan tempat itu mulai hari ini.

Katanya, perantikan tersebut sementara sahaja dan khusus kerana pilihanraya akan datang.

Encik Adib menyatakan, Datuk Hussein juga telah bersetuju melantik Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Melaka menggantikan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.



DR. MAHATHIR